

DEWAN RAKYAT

Pemasaran minyak kita akan diatasi

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, masalah pemasaran diatasi berkaitan permintaan yang sedang meningkat sekarang.

Perdana Menteri memberitahu anggota BN UI Trengganu, Alias All semasa soal jawab di Dewan Rakyat, seperti negara Malaysia juga merasai kesan akibat berlembutan minyak di pasaran dunia sekarang.

"Tindakan Malaysia ialah mengurangkan pengeluaran minyak dan mencari pasaran baru," terdapat bukti bahawa permintaan untuk minyak semakin meningkat seperti yang dicatatkan oleh Malaysia sedang menentang masalah pasaran akan datang," jelasnya.

Penyokong Kerajaan UI ingin menghadapi masalah pasaran berkaitan terdapatnya kelebihan di pasaran dunia sekarang.

Kepada soal tambahan ahli Mahathir berkata, jumlah pelajar termasuk luar kampus bagi kursus (Pas-Pengelasan Chepa) Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Haji Suhaimi Mohamad (BN-Kota Melaka), beliau berkata Kerajaan tidak dapat mengemukakan jumlah di pasaran terbuka dan tidak mengikut harga yang ditetapkan oleh Petronas.

Menjawab soal lain dari Enck Chan Teck Chan (BN-Kota Melaka), beliau berkata Kerajaan tidak dapat mengemukakan jumlah di pasaran terbuka kerana ia merupakan "rahsia Kerajaan."

Kerajaan setuju mansuh ujian penilaian darjah 5

KUALA LUMPUR, Rabu — Kerajaan setuju mansuh ujian penilaian darjah lima yang dilaksanakan sejak beberapa tahun lalu.

Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Haji Suhaimi Mohamad (BN-Kota Melaka) berkata, pemansuhan ini adalah berdasarkan laporan jawatankuasa yang mengkaji ujian itu tidak lama dahulu.

Malah, kata beliau, Jawatankuasa Pusat Perkembangan Kurikulum juga telah mengemukakan ujian itu dihapuskan di satu masa yang akan diberitahu kemudian.

"Pihak Kementerian akan mengemukakan waktu yang sesuai pemansuhan ujian itu sejajar dengan cadangan Kerajaan melaksanakan sistem kurikulum baru 3-M, yang akan dilaksanakan di sekolah rendah," katanya lagi.

347 orang doktor berhenti

KUALA LUMPUR, Rabu — Menteri Kesihatan, Tan Sri Chong Hon Nyan berkata, 347 doktor melok jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan antara 1 Januari 1980 hingga 30 September lalu.

Dari jumlah itu, katanya 18 orang doktor dari Bumiputera manakala 329 bukan Bumiputera.

"Dalam tempoh yang sama juga 34 orang doktor pakar meletakkan jawatan termasuk dua Bumiputera," katanya menjawab soal Hajj Ibrahim Mohamad (BN-Rantau Panjang) di Dewan Rakyat, hari ini.

Bellau berkata, doktor-doktor yang meletakkan jawatan tidak dikehendaki menyatakan alasan.

"Kebanyakan alasan mereka berdasarkan kepentingan peribadi masing-masing," tambahnya.

Tan Sri Chong menjelaskan, sebahagian dari mereka meletakkan jawatan sebab sajak tamat tempoh perkhidmatan wajib.

Shuhaimi nafi projek AMP gagal capai matlamat

KUALA LUMPUR, Rabu — Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Haji Suhaimi Mohamad (BN-Kota Melaka) hari ini menolak dakwaan bahawa projek bekalan susu di bawah Rancangan Amalan Pemakanan (AMP) bagi sekolah rendah gagal mencapai matlamatnya.

Bellau menegaskan, pada tahun ini kira-kira 167,000 orang murid sekolah rendah mendapat faedah dari projek itu.

Menjawab pertanyaan anggota BN Hantau Panjang, Hajj Ibrahim Muhamad semasa soal jawab di Dewan Rakyat, beliau berkata Kerajaan membekalkan 15 juta liter susu bagi tujuan tersebut tahun ini.

"Pada tahun depan Kerajaan akan menyediakan 15 juta liter susu bagi projek ini, yang dijangka dapat memberi faedah kepada 225,000 pelajar."

"Ini menunjukkan pertambahan bekalan susu 20 peratus dan oleh itu dakwaan yang mengatakan projek ini gagal adalah tidak benar," jelasnya.

Selanjutnya, Datuk Haji Suhaimi berkata kementerian tidak bercadang melaksanakan projek tersebut di sekolah menengah.



ENCIK SANUSI JUNID
Lagi 217 projek kedai MARA

KUALA LUMPUR, Rabu — Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Encik Sanusi Junid berkata, kementerian akan menyedari tentang kekurangan kedai dan gerai MARA khususnya di bandar-bandar kecil.

Encik Sanusi berkata demikian ketika menjawab pertanyaan anggota BN Parit, Encik Mohamad Bakri Rais semasa soal jawab.

KUALA LUMPUR, Rabu — Menteri Pelajaran, Datuk Haji Suhaimi Mohamad (BN-Kota Melaka) berkata, Kerajaan akan melaksanakan 217 projek kedai MARA di seluruh negara.

Encik Sanusi Junid berkata, kementerian akan menyedari tentang kekurangan kedai dan gerai MARA khususnya di bandar-bandar kecil.

Encik Sanusi berkata demikian ketika menjawab pertanyaan anggota BN Parit, Encik Mohamad Bakri Rais semasa soal jawab.

Wanita UMNO Kelantan mahu 2 kerusi Negeri

KOTA BHARU, Rabu — Pergerakan Wanita UMNO Kelantan berharap sekurang-kurangnya dua kerusi Negeri dalam pilihanraya umum akan datang.

Tengku Noor Asiah ketika dihubungi petang ini berkata, Jawatankuasa Wanita UMNO Kelantan telah pun meminta bahagian-bagiannya mengemukakan tokoh-tokoh bertepatan.

Menurutnya, sehingga ini belum ada satu b a h a g i a n mengemukakan senarai tokoh-tokoh di kawasan masing-masing sebagaimana yang diminta.

Bellau mengemukakan kenyataan Ketua Wanita UMNO Malaysia, Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani, bahawa pergerakan itu akan mengemukakan senarai nama tokoh-tokohnya kepada pucuk pimpinan UMNO bagi ditimbang sebagai calon untuk kerusi Dewan Negeri dan Parlimen dalam pilihanraya umum akan datang.

Pertahanan Awam cari wanita jadi anggota

TAIPING, Rabu — Pergerakan Pemuda dari warganegara Malaysia yang berminat untuk berkhidmat sebagai sukarelawan dalam Pasukan Pertahanan Awam di Taiping hari ini, berumur antara 18 hingga 35 tahun, silat tubuh badan, lulus darjah enam dan boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia.

Borang permohonan boleh didapati dari Pejabat Pertahanan Awam di sini dan tarikh tutup permohonan adalah 31 Disember. Bernama.

Belanjawan

Datuk Haji Suhaimi berkata demikian ketika mengulangi perbincangan mengenai belanjawan Kementerian Pelajaran tahun depan berjumlah kira-kira \$420 juta di Dewan Rakyat hari ini.

Anggaran itu kemudian diluluskan.

Bellau berkata, jawatankuasa yang mengkaji ujian penilaian itu mendapati ujian tersebut tidak dapat melaporkan kelemahan asas murid-murid dan fungsi pemulihannya.

"Malah fungsi ujian itu hanya sekadar memberi peluang mereka yang mendapati keputusan cemerlang melanjutkan pelajaran menengah ke sekolah-sekolah berasaskan pentah saja," katanya lagi.

Mengenai kebolehan kerias perpelesenan seperti yang dilaporkan di akhbar-akhbar baru-baru ini, beliau berkata, "Perkara itu tidak berlaku, ia hanya dibesar-besarkan oleh pihak akhbar saja," katanya lagi.

Pinjaman khas \$159.5 juta

KUALA LUMPUR, Rabu — Sejumlah 6,272 pinjaman bernilai \$159.5 juta akan dituluskan di bawah skim pinjaman khas, kata Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Najib Tun Abdul Razak hari ini.

Dari jumlah itu, kata beliau, hampir 4,500 pinjaman bernilai \$154 juta atau 75.5 peratus diberi kepada peniaga kecil-kecilan tidak termasuk di bidang industri dan pertanian.

Datuk Najib berkata demikian ketika menjawab soal jawab di Dewan Rakyat.

Datuk Najib berkata, sebanyak 125 permohonan kecil-kecilan di bawah skim Pinjaman Khas. "Bank-bank diberi tempoh hingga 31 Disember, 1981 untuk mematuhi garis panduan ini," katanya lagi.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia